

23/09/2002

Perkhidmatan kereta kabel Langkawi dijangka beroperasi November

LANGKAWI, Ahad - Perkhidmatan kereta kabel menghubungkan Oriental Village di Teluk Burau dan puncak Gunung Machinchang untuk membawa pelawat menyaksikan keindahan hutan hujan tropika dan panorama gugusan pulau ini dijangka beroperasi November ini.

Di puncak gunung setinggi 708 meter itu, pengunjung yang hanya dikenakan bayaran RM15 bagi dewasa dan RM10 kanak-kanak boleh melihat Pulau Tarutao dan Satun di selatan Thailand.

Selain itu, perjalanan 15 minit ke puncak gunung dengan gondola enam tempat duduk membolehkan pelawat menyaksikan kehijauan hutan banjaran Gunung Machinchang dan air terjun Telaga Tujuh.

Pengarah Urusan Wyss Planning Consultants, Dr Peter A Wyss, yang bertanggungjawab dalam pembinaan projek bernilai RM45 juta itu berkata, penguji bebas dari Austria sudah menjalankan ujian perkhidmatan kereta kabel berkenaan pada Ogos lalu.

Katanya, kerja pembinaan di pelantar pemandangan indah di puncak gunung hampir siap sepenuhnya.

"Kami jangka semua kerja pembinaan siap minggu depan dan kereta kabel sedia untuk dibuka kepada orang ramai selewat-lewatnya pada November," katanya ketika ditemui pemberita yang mengikuti Discover Langkawi bersama Persatuan Pelancongan Langkawi, hari ini.

Seramai 200 ejen pelancongan dan media dari seluruh negara dan Singapura yang menyertai program empat hari itu berpeluang menaiki gondola ke puncak Gunung Machinchang.

Dr Wyss berkata, 35 gondola akan digunakan untuk membawa penumpang ke puncak gunung itu yang membabitkan perjalanan sejauh 2.2 kilometer.

Kereta kabel yang digerakkan dengan kuasa elektrik itu dilengkapi sistem keselamatan yang akan memastikan gondola kembali ke stesen utama di Oriental Village.

Tiga pangkalan disediakan untuk penumpang menaiki kereta kabel, iaitu pangkalan bumi, pertengahan dan puncak.

Idea projek itu diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melintasi Gunung Machinchang dengan sebuah helikopter pada 1999.

Perkhidmatan kereta kabel itu akan dikendalikan anak syarikat Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Langkawi Cable Car Sdn Bhd.